

Larangan Membunuh Anak

Rasulullah SAW pernah ditanya oleh sahabat berkenaan dosa yang paling besar sebagaimana berikut:

أَيُّ الذَّنْبِ أَكْبَرُ؟ فَقَالَ: أَنْ تَعْجَلَ لِلَّهِ نِدَاءً وَهُوَ خَلَقَكَ. قِيلَ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ: أَنْ تَقْتُلَ وَلَدَكَ خَافَةً أَنْ يَطْعَمَ مَعَكَ

Maksudnya: “Perbuatan yang macam manakah yang dikira dosa besar? Baginda menjawab: Engkau mengambil sekutu buat Allah padahal Dia yang menjadikanmu. Ditanya lagi: kemudian dosa yang macam mana lagi? Jawab Baginda: Kamu membunuh anakmu kerana takutkan dia akan memakan makananmu.”

Riwayat al-Bukhari (4477) dan Muslim (267)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Nabi SAW meminta kesetiaan daripada kaum wanita sama seperti Baginda membai'ah (meminta kesetiaan) kaum lelaki di atas pengharaman perlakuan jenayah itu, dan agar mereka memberhentikannya sama sekali. Perjanjian tersebut sesuai dengan firman-Nya:

أَنْ لَا يُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقُوا وَلَا يَزْنُوا وَلَا يَقْتُلُوا أَوْلَادَهُمْ

Maksudnya: Bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun, dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak

akan berzina, dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya.

(Surah al-Mumtahanah: 12)

2. Antara hak si anak yang ditanggung oleh bapanya, supaya bapa memberikan anak nama yang baik. Tidak boleh diberikan nama yang boleh menyebabkannya merasa tidak senang kelak apabila dia meningkat dewasa nanti.
3. Haram bagi bapa menamakan anaknya dengan memakai perkataan *Abd* iaitu 'hamba' melainkan diikuti selepasnya dengan nama Allah SWT, (jadi Abdullah). Adapun seperti Abdun Nabi (hamba nabi), atau Abd al-Masih hamba (al-Masih) dan sebagainya adalah tidak dibolehkan. Dan bagi anak ke atas bapanya, hendaklah dipeliharanya dengan baik, dididiknya dengan penuh kasih sayang secara Islam, diberinya makan dan minum serta pakaian yang cukup, tidak dibiarkan terlantar dan tidak dipedulikan sehingga anak menjadi rosak di dalam masyarakat. Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: "Setiap kamu adalah bertanggungjawab dan setiap kamu akan ditanya tentang pertanggungjawabnya."

Riwayat al-Bukhari (893) dan Muslim (4828)

4. Sabda Rasulullah SAW di dalam hadis yang lain:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا، أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَتَّقُوهُ

Maksudnya: "Memadailah seseorang itu akan dosanya apabila dia mensia-siakan orang yang ditanggungnya."

Riwayat Abu Daud (1694) dan al-Hakim (382)

5. Sabda Rasulullah SAW di dalam hadis yang lain lagi:

إِنَّ اللَّهَ سَائِلٌ كُلَّ رَاعٍ عَمَّا اسْتَرْعَاهُ، حَفِظَ أَمْ ضَيَّعَ، حَتَّى يَسْأَلَ الرَّجُلُ عَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah akan bertanya setiap orang yang bertanggungjawab terhadap sesiapa yang ditanggunginya, adakah dia telah memelihara dengan betul atau dia telah mensia-siakannya, sehingga

seseorang itu akan ditanya tentang ahli rumah tangganya.”

Riwayat Ibn Hibban (344) dalam *Sahihnya*

6. Termasuk seperti membunuh anak apabila berlaku pengabaian dalam menunaikan amanah terutamanya mentarbiah dan mendidik anak-anak mengikut acuan syariah Islam. Sebaliknya dibiarkan anak-anak dengan sepenuh kebebasan sehingga tidak pernah dibimbing dan diperintah ke arah kebaikan seperti melaksanakan ibadah solat, menutup aurat, menghormati orang tua, mengasihi kanak-kanak dan lain-lain.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Syafie berkata:** Berbuat baik dan tunjukkan baktimu kepada ibu bapamu tanpa mengenal erti penat dan lelah sebagaimana mereka telah berbuat begitu sepanjang hayat mereka. Ianya akan menambah keberkatan pada umurmu, menambah rezeki dan keampunan atas dosa-dosamu.
- ❖ **Pujangga berkata:** Belas kasihan yang diabaikan boleh berubah menjadi kekejaman. Cinta yang disia-siakan boleh berubah menjadi benci.”

Kisah Teladan

Pada satu hari raya, Khalifah Umar Ibn Abdul Aziz telah melihat seorang kanak-kanak memakai pakaian yang lusuh, lalu berlinanganlah air mata khalifah tersebut. Kanak-kanak itu melihat Khalifah Umar dan terus bertanya: Apakah yang menyebabkan tuan menangis ya Amirul Mukminin? Khalifah Umar menjawab: Saya takut berkecailah hatimu jika kanak-kanak melihatmu dengan pakaian yang lusuh ini? Lalu budak itu berkata: Sesungguhnya berkecailah hati sesiapa yang luput daripadanya keredaan Allah dan dibenci oleh ibu dan bapanya. Sesungguhnya Tuhan reda padaku dengan keredaanmu.